PP-12

MENINGKATKAN PERATUS PENDAFTARAN PRESKRIPSI UNTUK PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH MELALUI APLIKASI MYUBAT DALAM KALANGAN PESAKIT DI HOSPITAL SULTAN ISMAIL PETRA

Amalina R[1], S.Fasihah R[1], Rohasimah A[1], S.Nuraisyah H[1]

PEMILIHAN PELUANG UNTUK PENAMBAHBAIKAN

Pemilihan Masalah

NO	MASALAH	S	M	A	R	T	SKOR
1	Peratus kaunseling bedside dispensing adalah rendah di Hospital Sultan Ismail Petra	9	9	9	7	9	43
2	Peratus ubat yang tidak dituntut bagi perkhidmatan tambah nilai (VAS) adalah tinggi di Hospital Sultan Ismail Petra	6	9	6	6	7	34
3	Peratus pendaftaran preskripsi melalui aplikasi MyUBAT adalah rendah di Hospital Sultan Ismail Petra	9	9	9	8	9	**44**
4	Peratus pesakit yang hadir pada sesi temujanji susulan (Post) MTAC Diebetes di Hospital Sultan Ismail Petra adalah rendah.	6	9	9	6	7	37
	Skor: (1) Rendah (2) Sederhana (3) Tinggi	Bilangan Ahli Kumpulan : 4					

Rasional Pemilihan Masalah

S KKM telah melancarkan aplikasi MyUBAT pada April 2021, namun **hanya 9 pendaftaran preskripsi** yang menggunakan aplikasi ini sepanjang tahun tersebut. Hal ini memberi impak negatif kepada kesinambungan ubat susulan pesakit seterusnya meningkatkan tahap mortaliti dan morbiditi.

M **Peratus pendaftaran preskripsi melalui *web-console* MyUBAT** dan reten perkhidmatan nilai tambah atau *Value-Added Services* (VAS).

A Peningkatan penggunaan aplikasi MyUBAT akan **memudahkan** dan **mempercepatkan** pengambilan ubat susulan pesakit dan **mengurangkan masa menunggu.**

R Penambahbaikan boleh dilakukan dengan meningkatkan kesedaran pesakit dan anggota farmasi tentang aplikasi MyUBAT

T Kajian boleh dilakukan & diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pernyataan Masalah

PERATUS pendaftaran preskripsi untuk perkhidmatan nilai tambah melalui aplikasi MyUBAT di Hospital Sultan Ismail Petra adalah masih **RENDAH** iaitu **7%** sepanjang Januari hingga Mei 2022 (7%)

Pesakit yang menggunakan VAS didaftar secara manual oleh pegawai farmasi. Ini akan meningkatkan beban kerja pegawai farmasi. Pesakit juga tidak dapat meminda tarikh temujanji ubat susulan sekiranya tidak dapat keluar rumah pada tarikh sepatutnya dan akan menjejaskan kesinambungan bekalan ubat pesakit.

Antara faktor-faktor yang mempengaruhi jumlah pendaftaran preskripsi untuk VAS melalui aplikasi MyUBAT adalah berpunca daripada pesakit kurang maklumat tentang MyUBAT, masalah teknologi seperti capaian internet yang lemah dan masalah kakitangan farmasi

Kami berharap kajian ini dapat meningkatkan peratus preskripsi yang berdaftar dengan aplikasi MyUBAT (15%)

Carta Analisa Masalah



Carta Alir Pendaftaran MyUBAT



PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAHBAIKAN

Objektif Kajian

OBJEKTIF UMUM

- Meningkatkan peratus pendaftaran preskripsi untuk perkhidmatan nilai tambah melalui aplikasi MyUBAT di Hospital Sultan Ismail Petra.

OBJEKTIF KHUSUS

- Untuk mengenal pasti bilangan dan peratus pendaftaran preskripsi untuk VAS melalui aplikasi MyUBAT di Hospital Sultan Ismail Petra.
- Untuk mengenalpasti faktor penyebab pendaftaran preskripsi untuk VAS menggunakan MyUBAT yang rendah dalam kalangan pesakit di Hospital Sultan Ismail Petra.
- Untuk melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan bagi meningkatkan peratus pendaftaran preskripsi untuk VAS melalui aplikasi MyUBAT di Hospital Sultan Ismail Petra.
- Untuk menilai keberkesanan langkah-langkah penambahbaikan yang dilaksanakan.

Indikator

$$\frac{\text{Bilangan preskripsi untuk VAS berdaftar melalui aplikasi MyUBAT}}{\text{Bilangan preskripsi berdaftar dengan VAS}} \times 100\%$$

Standard

Pendaftaran preskripsi menggunakan aplikasi MyUBAT **≥15%**

(Diadaptasi daripada Pelan Tindakan Farmasi 2022 & hasil perbincangan bersama KJF HSIP)

PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT

50 Pesakit
46 Anggota Farmasi

Farmasi Pesakit Luar HSIP

Januari – Disember 2022

Kajian ***Hirisan Lintang***

Pensampelan Universal

- Pra-Pemulihan: 1 Jan – 31 Mei
- Pemulihan: 1 Jun – 31 Jul
- Pasca Pemulihan: 1 Ogos– 31 Dis

Borang Kaji Selidik (Pesakit)[4]


Tajuk: Kajian Penggunaan Aplikasi MyUBAT dalam Kalangan Pesakit Hospital Sultan Ismail Petra

Bahagian 1: Data Demografik

1. Umur: Bawah 20 tahun; 20 – 34 tahun; 35 – 49 years old; 50 – 64 years old; 65 years old and above
2. Jantina: Lelaki; Perempuan
3. Tahap Pendidikan: Universiti; Kolej/Matrikulasi; Sekolah Menengah; Sekolah Rendah; Tiada pendidikan
4. Kategori pekerjaan: Makan gaji; Kerja sendiri; Tidak bekerja; Pesara; Pelajar
5. Kategori pendapatan: RM 5000 ke atas; RM 3,000 - RM 5,000; RM 1,000 - RM 3,000; RM 1,000 ke bawah; Tidak menentu
6. Tempat tinggal: Luar Bandar; Bandar
7. Jenis telefon yang diguna: Telefon biasa; Telefon pintar

Borang Kaji Selidik (Anggota)[5]


Kajian Penggunaan Aplikasi MyUBAT dalam Kalangan Pesakit Hospital Sultan Ismail Petra (Faktor Staff)

Untitled Section

1. Jawatan: *
   - Pegawai Farmasi Berdaftar (FRP)
   - Pegawai Farmasi Provisional (PRP)
   - Penolong Pegawai Farmasi (PPF)
2. Tempoh perkhidmatan di Hospital *

Kriteria Yang di Ambil Kira

- Preskripsi yang berdaftar dengan VAS Sistem Janji Temu dan Ubat Melalui Pos (UMP)

Kriteria Yang Tidak di Ambil Kira

- Preskripsi yang berdaftar dengan VAS Lokar Ubat (L4U)

**Disemak oleh pegawai farmasi UF54 & disahkan oleh Ketua Jabatan Farmasi HSIP*

ANALISIS DAN INTERPRETASI

Faktor Penyumbang Pendaftaran Preskripsi untuk *VAS* melalui MyUBAT yang Rendah di Hospital Sultan Ismail Petra



1: Kurang kesedaran anggota farmasi tentang aplikasi MyUBAT
2: Pesakit tidak berminat menggunakan aplikasi MyUBAT
3: Kurang promosi oleh anggota farmasi
4: Kurang kesedaran pesakit tentang aplikasi MyUBAT
5: Kurang kefahaman anggota farmasi tentang penggunaan aplikasi MyUBAT

STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

Meningkatkan Kefahaman Anggota Tentang MyUBAT

STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

Meningkatkan Kesedaran Pesakit Tentang MyUBAT

KESAN PENAMBAHBAIKAN

Model of Good Care

Langkah	Proses	Kriteria	Piawaian	Pra-pemulihan	Pasca-pemulihan
1	Terima pesakit dan terangkan tentang applikasi MyUBAT	• Anggota farmasi sedar mengenai kewujudan MyUBAT	100%	28.3%	100%
		• Anggota farmasi faham mengenai penggunaan dan kaedah pendaftaran aplikasi MyUBAT	100%	58.7%	100%
		• Anggota farmasi mempromosikan MyUBAT kepada pesakit	100%	39.1%	80.5%
2	Daftar akaun pesakit melalui aplikasi MyUBAT dalam telefon pintar pesakit	• Pesakit tahu dan sedar tentang aplikasi MyUBAT	100%	39.1%	83.7%
		• Pesakit mempunyai minat yang tinggi untuk menggunakan MyUBAT	100%	40%	70.5%

Rajah ABNA



PENGAJARAN & CABARAN

1. Kefahaman, kesedaran dan kerjasama semua anggota farmasi amat penting dalam meningkatkan peratus pendaftaran MyUBAT.
2. Risalah berkenaan langkah-langkah mendaftar MyUBAT dapat membantu dan menarik minat pesakit untuk mendaftar sendiri dengan mudah.
3. Anggota farmasi perlu sentiasa sedia maklum dengan pengemaskinian sistem myUBAT dan *web-console.*
4. Komunikasi yang berkesan di antara pesakit dan anggota farmasi dapat menyumbang kepada peningkatan pendaftaran preskripsi baru melalui MyUBAT.

LANGKAH SETERUSNYA

- Kod QR E-HOW MyUBAT akan diperluaskan di lokasi awam seperti lobi utama dan unit-unit lain di HSIP
- Hebahan MyUBAT akan terus diperkasakan melalui media sosial & siar raya hospital bagi menyasarkan orang awam secara umum.
- Promosi MyUBAT akan dijalankan secara konsisten melalui pelbagai medium dan strategi ini berpotensi untuk disebarkan ke seluruh fasiliti KKM

Rujukan:

1. Boon TL, Abdul R, Nurul NA, Siew YN, Shuen NW. Satisfaction of patients receiving value added-services compared to traditional counter service for prescription refills in Malaysia. Pharmacy Practice. 2018;16(1):1075.
2. Loh BC, Wah KF, Teo CA, Khairuddin NM, Fairuz FB, Liew JE. Impact of value-added services on patient waiting time at the ambulatory pharmacy Queen Elizabeth Hospital. Pharmacy Practice. 2017;15(1):846.
3. Bahagian Perkhidmatan Farmasi Negeri Kelantan, Pelan Tindakan Farmasi 2022; 2022.
4. Emily Shin Ni Chung, Shin MS, Sui FW, Shirlie Chai, Ahmad K. Pharmacy Value-Added Services: Experience in a Malaysian Public Hospital. Mal J Pharm. 2021;7(1):22–27.
5. Yussof I, Ibrahim NH, Che Ayub A, Ab Hashim N, Choon CJ, Chee CY, et al. Evaluation of pharmacy value-added services in public health facilities: Staff perception and cost analysis. Explor. Research in Clinical and Social Pharm. 2022;5(100120):1-7.
6. Tan CLH, Gan VBY. Pharmacy Value Added Services: Early Begininings, Current Implementation, and Challenges from the Malaysian Experience. Indian Journal of Pharm. Edu. and Research. 2016;50(3):335–343.
7. Tan CLH, Hassali MA, Saleem F, Shafie AA, Aljadhay H, Gan VBY. Building intentions with the theory of planned behaviour: a qualitative assessment of salient beliefs about pharmacy value added services in Malaysia. Health Expectations. 2015;19(6):1215–25.
8. Program Perkhidmatan Farmasi. Garis Panduan Sistem Pengurusan Pembekalan Ubat Bagi Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi (MyUBAT) Edisi Pertama 2021. [internet] Program Perkhidmatan Farmasi: [Accessed 11 July 2022] Available from: https://pharmacy.moh.gov.my/ms/dokumen/garis-panduan-sistem-pengurusan-pembekalan-ubat-perkhidmatan-nilai-tambah-farmasi-myubat.html

Poster ini dibentangkan di Saringan Kedua Konvensyen QA Kebangsaan Kali ke-12, 8-10 Oktober 2024